

29/10/1997

Slovenia mahu usaha sama pelbagai industri

Karim Sulaiman in Ljubljana (Slovenia)

LJUBLJANA (Slovenia), Selasa - Slovenia mahu mengadakan kerjasama lebih luas dalam bidang industri kereta, mesin, pengeluaran aluminium, pembuatan logam serta industri keluli dan besi dengan Malaysia.

Kementerian Pembangunan dan Perhubungan Ekonomi Slovenia, melihat bidang berkenaan berpotensi besar dalam meningkat dan mengukuhkan hubungan perdagangan kedua-dua negara.

Jurucakapnya berkata, pihaknya yakin kedua-dua negara boleh bekerjasama dalam bidang itu, berdasarkan kedudukan ekonomi Malaysia.

"Berikutan minat mendalam pelabur Malaysia yang mahu mengadakan kerjasama perdagangan dengan pelabur Slovenia, kami mengadakan seminar bertajuk Bagaimana Untuk Bekerjasama Dengan Malaysia.

"Kami berharap seminar itu dapat membantu syarikat Slovenia memasuki pasaran bersaing Malaysia," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan tiga hari mulai semalam ke negara ini, menyampaikan ucap tama di seminar itu.

Seramai 25 ahli perniagaan Malaysia diketuai Pengerusi dan Ketua Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli, turut mengadakan pertemuan dengan bakal rakan kongsi dan Ahli perniagaan Slovenia di seminar itu.

Pagi ini, beliau akan menemui rakan sejawatannya, Dr Janez Drnovsek untuk membincangkan kerjasama dan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Slovenia.

(END)